

**PERSEPSI GURU TERHADAP KEPIMPINAN PENGETUA
WANITA SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH TUARAN**



ANASARI BINTI PAULUS RINSA

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

**PERSEPSI GURU TERHADAP KEPIMPINAN PENGETUA
WANITA SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH TUARAN**

ANASARI BINTI PAULUS RINSA

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PERSEPSI GURU TERHADAP KEPIMPINAN PENGETUA WANITA SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH TUARAN

IJAZAH : IJAZAH SARJANA (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : ANASARI BINTI PAULUS RINSA

SESI PENGAJIAN : 2006/2008

Mengaku membenarkan tesis (Sarjana) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



ANITA BINTI ARSAD
 PUSTAKAWAN KANAN
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh

 (Anasari Binti Paulus Rinsa)

 (Prof. Madya Dr. Mohd Yusof B. Abdullah)

Tarikh : 4 Julai 2009

CATATAN:-* Potong yang tidak berkenaan.


** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana (LPSM)

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu telah saya nyatakan sumbernya.

4 Julai 2009



ANASARI BINTI PAULUS RINSA

PT 20068411



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

Tajuk : Persepsi Guru Terhadap Kepimpinan Pengetua Wanita Sekolah Menengah Di Daerah Tuaran

Ijazah : Sarjana Pengurusan Pendidikan



Tarikh VIVA : 4 Julai 2009

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH:

PENYELIA :

PROF. MADYA DR MOHD YUSOF BIN ABDULLAH

PENGHARGAAN

Ucapan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan restunya, disertasi ini dapat disiapkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya Dr. Mohd Yusof Abdullah yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penulisan disertasi ini dijalankan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diberikan kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti kursus ini iaitu Profesor Dr. Haji Zulkifli Mohamed, Profesor Dr. Salleh Abdul Rashid, Profesor Dr. Adam Bakar, Profesor Madya Dr. Haji Mohd Yusof Abdullah, Profesor Madya Dr. Hajjah Naimah Yusoff, Dr. Haji Mohd. Zaki Ishak, dan Dr. Lay Yoon Fah. Tidak ketinggalan terima kasih juga ditujukan kepada suami Jauji Hj Hussin, anak-anak; Mohd Afiq Danial, Dg. Anisah Ellieyah dan Mohd Aqil Azhad, serta ibu Pn. Apsah Abdul Wahab, Ibu mertua Pn. Hjh. Saadiah Omar dan adik-adik yang sentiasa memahami keadaan dan membantu sepanjang kuliah dan penulisan disertasi ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih di atas bantuan Pegawai-Pegawai di Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia, Pegawai Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Pejabat Pelajaran Daerah Tuaran, semua guru-guru yang menjadi responden dalam kajian ini. Akhir sekali, kepada rakan-rakan sekelas dan rakan-rakan di SMK Badin, Tuaran yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada saya untuk menyempurnakan kursus ini. Semoga Allah sentiasa memberkati segala usaha dan bantuan yang telah diberikan.

ABSTRAK

Dalam menentukan hala tuju dan pencapaian visi serta misi sekolah ke arah kecemerlangan sekolah adalah dipengaruhi sepenuhnya oleh kepimpinan pengetua. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk meninjau tahap persepsi guru-guru terhadap kepimpinan pengetua di lima buah sekolah menengah daerah Tuaran. Keutamaan dalam kajian ini adalah tinjauan persepsi guru terhadap kepimpinan pengetua dari aspek perancangan, pengelolaan, penyeliaan dan penilaian. Satu set soal selidik yang mengandungi 40 item telah digunakan dalam kajian ini. Set soal selidik ini perlu dijawab oleh semua responden yang dipilih secara rawak di sekolah-sekolah berkenaan. Seramai 97 orang responden yang telah menjawab soal selidik tersebut. Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah SMK Badin, SM St. John, SMK Tamparuli, SMK Sri Nangka dan SMK Tun Fuad Stephen, Kiulu. Kajian ini mendapati bahawa pengetua sekolah memainkan peranan yang penting sebagai perancang yang terbaik, mempunyai kebolehan dan berjaya melaksanakan semua perancangan, penyeliaan, penilaian dan pengelolaan dalam apa jua aktiviti di sekolah masing-masing. Secara keseluruhannya dapatan dari kajian ini bahawa persepsi guru terhadap kepimpinan pengetua adalah di tahap sederhana iaitu skor min tahap persepsi ialah $M = 2.34 - 3.67$.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

THE PERCEPTION OF SECONDARY SCHOOL TEACHERS UPON THE PRINCIPALS' LEADERSHIP OF TUARAN DISTRICT.

The leadership of a school principal fully influences the excellence of a school in determining the objectives and the achievement of vision and mission of a school. This research explored the perception of teachers towards the leadership of principal in five schools of Tuaran district. This survey focused on the principal's leadership in planning, organizing, supervision and evaluation in the five schools. In order to explore the teachers' perception concerning their respective principal's leadership, the teachers were required to respond to an instrument which contains 40 items. The respondents were randomly selected from their respective schools. A total of 97 respondents were selected. The schools selected are SMK Badin, SM St. John, SMK Tamparuli, SMK Sri Nangka dan SMK Tun Fuad Stephen, Kiulu. The findings of the survey showed that the principals were able to play their role effectively in planning, supervising, oraganising and evaluating in their respective schools. Generally the results found from the research showed that teachers' perception toward their leadership of principal is in moderate level which the minimal score is $M = 2.34 - 3.67$.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

| | |
|--|----|
| Rajah 2.1 : Model Tingkah Laku Pemimpin | 33 |
| Rajah 2.2 : Kontinuun Gaya Kepimpinan Tannebaum dan Schmidt | 45 |
| Rajah 2.3 : Gaya Kepimpinan Bersituasi Hersy Dan Blanchard | 46 |
| Rajah 2.4 : Faktor Utama Mempengaruhi Tahap Keberkesanan Kepimpinan di Dalam Teori Kontigensi Fielder | 47 |
| Rajah 2.5 : Kerangka Kajian | 48 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

| | |
|--|----|
| Jadual 3.1 : Bilangan Responden Mengikut Sekolah | 51 |
| Jadual 3.2 : Agihan Item Borang Soal Selidik | 53 |
| Jadual 3.3 : Rumusan Proses | 54 |
| Jadual 3.4 : Statistik Kebolehpercayaan | 54 |
| Jadual 3.5 : Skor Min Tahap Persepsi Responden | 55 |
| Jadual 4.1 : Demografi responden | 57 |
| Jadual 4.2 : Taburan Responden Terhadap Item Peranan Pengetua Dalam Perancangan Sekolah | 59 |
| Jadual 4.3 : Taburan Responden Berdasarkan Min Perancangan Pengetua Di Sekolah | 61 |
| Jadual 4.4 : Tahap Persepsi Terhadap Peranan Pengetua Dalam Perancangan Di Sekolah | 61 |
| Jadual 4.5 : Taburan Responden Terhadap Item Peranan Pengetua Dalam Penyeliaan Di Sekolah | 62 |
| Jadual 4.6 : Taburan Responden Berdasarkan Min Penyeliaan Pengetua Di Sekolah | 64 |
| Jadual 4.7 : Tahap Persepsi Terhadap Peranan Pengetua Dalam Penyeliaan Sekolah | 65 |
| Jadual 4.8 : Taburan Responden Terhadap Item Peranan Pengetua Dalam Penilaian Di Sekolah | 66 |

| | |
|--|----|
| Jadual 4.9 : Tabulan Responden Berdasarkan Min Penilaian Pengetua Di Sekolah | 67 |
| Jadual 4.10 : Tahap Persepsi Terhadap Peranan Pengetua dalam Penilaian Di Sekolah | 68 |
| Jadual 4.11 : Taburan Responden Terhadap Item Peranan Pengetua Dalam Pengelolaan Di Sekolah | 69 |
| Jadual 4.12 : Taburan Responden Berdasarkan Min Pengelolaan Pengetua Di Sekolah | 70 |
| Jadual 4.13 : Tahap Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Dalam Pengelolaan Di Sekolah | 71 |
| Jadual 4.14 : Tahap Persepsi Responden Terhadap Kepimpinan Secara keseluruhan Mengikut Jantina | 72 |
| Jadual 4.15 : Tahap Persepsi Responden Terhadap Kepimpinan Secara keseluruhan Mengikut Kategori Perkhidmatan | 73 |
| Jadual 4.16 : Tahap Persepsi Responden Terhadap Kepimpinan Mengikut Kategori Perkhidmatan Secara keseluruhan | 74 |
| Jadual 4.17 : Persepsi Guru Terhadap Kepimpinan Pengetua Berdasarkan Jantina | 75 |
| Jadual 4.18 : Persepsi Guru Terhadap Kepimpinan Pengetua Berdasarkan Kategori Perkhidmatan | 75 |
| Jadual 4.19 : Persepsi Guru Terhadap Kepimpinan Pengetua Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 76 |

ISI KANDUNGAN

Muka surat

| | | |
|-----------------------|-----------------------|-----|
| PENGAKUAN | | i |
| PENGHARGAAN | | ii |
| ABSTRAK | | iii |
| ABSTRACT | | iv |
| SENARAI RAJAH | | v |
| SENARAI JADUAL | | vi |
| | | |
| BAB 1 | Pengenalan | |
| 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 4 |
| 1.4 | Tujuan Kajian | 6 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 7 |
| 1.6 | Soalan Kajian | 8 |
| 1.7 | Hipotesis Kajian | 8 |
| 1.8 | Definisi Operasional | 9 |
| 1.9 | Kepentingan Kajian | 15 |
| 1.10 | Batasan Kajian | 16 |
| 1.11 | kesimpulan | 16 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| BAB 2 | SOROTAN LITERATUR | |
| 2.1 | Pendahuluan | 18 |
| 2.2 | Kajian –Kajian Lepas | 18 |
| 2.3 | Model Kajian | 32 |
| 2.4 | Teori Kajian | 33 |
| 2.5 | Kerangka Kajian | 48 |
| 2.6 | Kesimpulan | 48 |
| | | |
| BAB 3 | METODOLOGI | |
| 3.1 | Pendahuluan | 50 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 50 |
| 3.3 | Persampelan | 51 |
| 3.4 | Tempat Kajian | 51 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 51 |
| 3.6 | Kajian Rintis | 53 |
| 3.7 | Pengumpulan Data Kajian | 54 |
| 3.8 | Penganalisan Data Kajian | 54 |
| 3.9 | Kesimpulan | 56 |
| | | |
| BAB 4 | DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pendahuluan | 57 |
| 4.2 | Dapatan Kajian | 57 |
| 4.3 | Peranan Pengetua Dalam Perancangan Sekolah | 59 |
| 4.4 | Peranan Pengetua Dalam Penyeliaan Sekolah | 62 |
| 4.5 | Peranan Pengetua Dalam Penilaian Sekolah | 66 |
| 4.6 | Peranan Pengetua Dalam Pengelolaan Sekolah | 69 |

| | | |
|------|---|----|
| 4.7 | Tahap Persepsi Responden terhadap Kepimpinan Secara Keseluruhan Mengikut Jantina | 72 |
| 4.8 | Tahap Persepsi Responden terhadap Kepimpinan Secara Keseluruhan Kategori Perkhidmatan | 73 |
| 4.9 | Tahap Persepsi Responden terhadap Kepimpinan Pengetua Mengikut Pengalaman Mengajar Secara Keseluruhan | 74 |
| 4.10 | Ujian t | 75 |
| 4.11 | Kesimpulan | 76 |

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

| | | |
|-----|------------------------------------|----|
| 5.1 | Pendahuluan | 77 |
| 5.2 | Rumusan Kajian | 77 |
| 5.3 | Implikasi Dapatan dan Perbincangan | 80 |
| 5.4 | Cadangan Kepada Sekolah | 86 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 89 |
| 5.6 | Penutup | 91 |

BIBLIOGRAFI 92

LAMPIRAN

| | | |
|----|--|-----|
| 1. | SOAL SELIDIK | 99 |
| 2. | SURAT KEBENARAN | 105 |
| 3. | SURAT KEBENARAN DARI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH | 106 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pengetua memainkan peranan yang paling penting untuk menentukan hala tuju sesebuah sekolah. Bagi menjayakan peranan tersebut, seperti kata Duke (2003/1998) dan Day, et. al (2000), pengetua haruslah memahami sistem, budaya dan iklim sekolahnya sebagai sebuah organisasi sosial. Hal ini kerana, organisasi sosial adalah kompleks dan perlu berinteraksi dengan diri sendiri dan komuniti luar (Charles, 2003). Maju mundurnya sesebuah organisasi sekolah adalah bergantung kepada keberkesanan kepimpinan pengetua sekolah bagi mewujudkan satu situasi yang kondusif supaya dapat meningkatkan akademik, ko-kurikulum dan disiplin pelajar di samping mencapai misi dan visi yang berlandaskan kepada falsafah Pendidikan Negara.

Kepimpinan yang berkualiti dan juga berkesan akan membantu mewujudkan sekolah yang dapat merealisasikan wawasan pendidikan. Oleh itu, Fiedler (2000) mengakui bahawa akan wujud pelbagai tanggapan negatif terhadap pengetua yang lemah kerana sekolahnya tidak berkesan. Keadaan ini juga akan mempengaruhi prestasi sekolah tersebut dan sekaligus akan memberikan gambaran yang negatif terhadap mutu pengajaran guru-gurunya (Fiedler, 1999). Justeru itu kebijaksanaan pengetua dan kemahiran dalam pengurusan pentadbiran adalah sangat diperlukan berdasarkan situasi persekitaran dan iklim sekolah demi memotivasikan guru dan kakitangan, pelajar dan seluruh warga sekolah untuk menuju ke arah sekolah yang berkesan dan cemerlang.

Kejayaan ini hanya akan dapat dicapai dengan adanya keberkesanan kepimpinan pengetua khususnya dari segi perancangan, penyeliaan, penilaian dan pengelolaan sesebuah sekolah di bawah kepimpinan seorang pengetua.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam institusi sekolah, pengetua merupakan pemimpin, pentadbir dan pengurus yang melaksanakan pelbagai fungsi. Selain itu seseorang pengetua itu juga perlu cekap dan bijak untuk melaksanakan tugas kepimpinan tersebut. Pengetua merupakan pemimpin dan pengurus sesebuah sekolah (Ishak, 2003 dan Mok Song Sang, 2003). Pengetua sebagai peneraju sekolah hendaklah bersedia melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran menangani cabaran dalam pendidikan. Abdul Shukor (2004) menyatakan pengurusan dan kepimpinan pengetua adalah faktor utama yang akan menentukan keberkesanan sekolah serta akan menentukan jatuh bangunnya sesebuah sekolah itu. Oleh itu, menurutnya lagi pengetua perlu kompeten untuk berfungsi sebagai pengurus yang cekap. Bidang tugas pengetua semakin luas dan kompleks kerana keperluan dan tuntutan masyarakat berubah (Fullan, 1997). Oleh yang demikian kepimpinan pengetua yang berkesan menjadi tuntutan dalam menentukan hala tuju sesebuah sekolah.

Keberkesanan sesebuah sekolah tidak mungkin akan dapat dicapai tanpa usaha yang gigih serta gaya kepimpinan pengetua yang sempurna. Untuk mengecap hala tuju ini, kepimpinan pengetua merupakan agen yang terpenting untuk memimpin organisasi untuk mencapai tujuan tersebut. Selain daripada itu, pengetua adalah pegawai pengawal di sekolah (Arahan Perbendaharaan, dalam Mohd. Ismail, 2005). Menurut Omardin (1996) selain menguruskan kewangan sekolah, pengetua juga bertanggungjawab terhadap perjalanan dan operasi kurikulum dan kokurikulum di sekolah. Hal ini bermakna pengetua seharusnya berfungsi secara efektif di sekolah jika dia mahu sekolahnya berkesan secara keseluruhannya (Rahimah Ahmad, 1998). Walaubagaimanapun keberkesanan sekolah jelas dapat dilihat dengan paling ketara

ialah pencapaian prestasi akademik dan disiplin pelajar sekolah. Jelaslah bahawa kepimpinan pengetua dari aspek perancangan, penyeliaan, penilaian dan pengelolaan merupakan unsur yang paling penting dalam pengurusan sekolah.

Menurut Mohammad Yunus (1994), pengetua merupakan seorang pemimpin dan juga sebagai pengurus pendidikan di sekolah masing-masing. Pengetua juga merupakan tonggak utama kepada kejayaan sesebuah sekolah serta pelaksana visi dan misinya dalam menentukan hala tuju institusi pendidikan yang diamanahkan. Berdasarkan kenyataan ini, dapatlah dirumuskan bahawa pengetua bukan sahaja berperanan sebagai tonggak pentadbiran tetapi ianya juga merangkumi memimpin dan mengurus sekolah. Sebagai seorang pemimpin pengajaran, pengetua seharusnya menyelia dan mengumpul segala sumber manusia dan kebendaan untuk membolehkan guru-guru bertindak dengan lebih teratur dan berkesan (Jamaliah Abdul Hamid dan Norashimah Ismail, 2005).

Berkaitan hal ini, pengetua haruslah menonjolkan kepimpinan yang berkesan terhadap sekolah dan komuniti. Menurut Jamaliah Abdul Hamid dan Norashimah Ismail (2005) kepimpinan adalah kemahiran yang dipelajari dan bukannya diwarisi, justeru pengetua perlu bertindak mematangkan diri dengan pengalaman dan ilmu pengetahuan mengenai pengurusan dan pentadbiran sekolah, seterusnya dalam kepimpinan kerana pengetua tidak akan berkesan jika hanya tahu mentadbir dan mengurus, sebaliknya kepimpinan adalah aset utama terhadap kejayaannya sebagai ketua dan kecemerlangan sekolahnya. Sebagai seorang pemimpin, pengetua adalah merupakan seorang yang diiktiraf oleh satu atau lebih tentang pengaruh, autoriti dan kuasa yang diberikan dalam jangka panjang atau pendek. Pemimpin memainkan peranan yang amat penting dalam sesebuah organisasi dan bukanlah hanya menunjukkan kedudukannya. Seseorang yang memegang jawatan sebagai pentadbir atau pengurus khususnya dalam bidang eksekutif perlulah berperanan sebagai pemimpin yang baik dan cemerlang dalam apa jua aspek. Justeru itu, perancangan,

penyeliaan, penilaian dan pengelolaan merupakan asas yang penting dalam kepimpinan seorang pengetua.

Pengetua sekolah bukan sahaja dimandatkan untuk menjalankan pentadbiran organisasi dengan baik bagi menentukan sistem sekolah berjalan dengan teratur dan sempurna, tetapi ia juga perlu memberangsangkan guru-guru, staf sokongan dan pelajar sekolah agar pentadbiran sekolah lebih berkesan. Oleh itu, Porter dan Brophy (1988) menganggap bahawa pengurusan yang efektif adalah salah satu elemen yang menjadi kunci terhadap kelancaran kurikulum di sekolah. Dalam menguruskan kurikulum di sekolah, pengkaji tempatan dan negara luar bersetuju bahawa faktor kepimpinan adalah unsur terpenting bagi memastikan kejayaan pengurusan dalam bidang kurikulum dan hal ini direalisasikan dengan menggunakan perancangan strategik yang mantap. Oleh itu, Porter dan Brophy (1988) menganggap bahawa pengurusan yang efektif adalah salah satu elemen yang menjadi kunci terhadap kelancaran kurikulum di sekolah. Dalam menguruskan kurikulum di sekolah, pengkaji tempatan dan negara luar bersetuju bahawa faktor kepimpinan adalah unsur terpenting bagi memastikan kejayaan pengurusan dalam bidang kurikulum dan hal ini direalisasikan dengan menggunakan perancangan strategik yang mantap.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam era menuju kearah keberkesanan sekolah, kemahiran pengurusan dan kepimpinan pengetua merupakan unsure utama untuk mencapai tujuan tersebut, ianya mencakupi pentadbiran iaitu merancang, menyelia, menilai, menyelaras dan mengatur, menyusun dan mentadbir sekolah.

Dalam soal pentadbiran, pengetua perlu ada kemahiran-kemahiran yang tertentu seperti perancangan, penyeliaan, penilaian, pengelolaan yang teliti untuk mengurus sesebuah organisasi di bawah jagaannya. Kemahiran-kemahiran ini dapat memastikan proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan pentadbiran berjalan dengan licin dan sempurna. Persoalannya ialah pengetua sekolah memiliki

kemahiran yang diperlukan oleh seserang pengetua untuk membolehkan kejayaan dapat dicapai oleh sekolah tersebut atau pun tidak.

Kepimpinan pengajaran memberikan penekanan kepada tindakan pengaruh dan kepakaran pengetua memainkan peranannya mengarah segala kebolehan dan usaha serta kreativiti guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, pengetua memainkan peranan yang paling penting dan bertanggungjawab ke atas kejayaan sekolah tersebut. Program yang dimaksudkan ini termasuklah menyusun dan menetapkan falsafah sekolah, membentuk wawasan (misi dan visi), menetapkan matlamat dan objektif, membentuk dasar dan prosedur, menyelia dan menyelaraskan sokongan pembelajaran, menetapkan mutu pengajaran, menjalinkan hubungan dengan staf dan bekerjasama dengan peskitaran luar.

Pengetua yang dilantik oleh Jabatan Pelajaran Negeri tidak lari daripada berperanan sebagai agen perubahan di sesebuah sekolah. Ini termasuklah bagaimana mempengaruhi guru dan kakitangannya menjalankan tugas dengan berkesan. Selain itu, pengetua juga wajib memastikan perlaksanaan pembangunan sekolah yakni merangkumi perancangan dan pelaksanaan dari segi kurikulum, ko-kurikulum, disiplin, keceriaan dan lain-lain (Jamaliah Abdul Hamid dan Norashimah Ismail, 2005). Oleh yang demikian, kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana pengetua yang berkesan selaku penggerak kemajuan sekolah berperanan mempengaruhi pengemblengan seluruh anggota sekolah ke arah membangunkan sekolah di bawah jagaannya.

Kepimpinan pengetua merupakan peranan sebagai agen perubahan; dengan kata lain ialah mempengaruhi di antara satu dengan yang lain. Terdapat pelbagai persepsi yang berlainan dalam kalangan guru tentang kepemimpinan pengetua sebagai ketua pentadbir di sekolah. Sebilangan guru beranggapan kejayaan dan keberkesanan sekolah adalah bergantung kepada kepemimpinan pengetua. Sementara itu keberkesanan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara tidak

langsung dapat membantu organisasi sekolah mencapai target yang diimpikan khususnya dalam pencapaian akademik pelajar.

Semua guru mempunyai tanggapan yang sama tentang jenis pemimpin yang baik sahaja boleh dicontohi, diikuti, dipuji, disenangi dan dihormati. Kemuliaan personaliti seseorang pemimpin membolehkan suasana iklim sekolah berada di tahap yang kondusif. Keberkesanan kepimpinannya membolehkan kerja-kerja dan program pembangunan pelajar dijalankan dengan berkesan dan berkualiti. Oleh itu, kejayaan sesebuah organisasi sekolah sangat dipengaruhi oleh keberkesanan kepimpinan seseorang pengetua. Dalam persoalan ini, kepimpinan pengetua perlulah fleksibel dan mestilah mengikut keperluan guru dalam persekitaran dan budaya yang berlainan.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau persepsi guru-guru terhadap kepimpinan pengetua wanita di sekolah-sekolah menengah sekitar daerah Tuaran. Kajian ini dibuat mengikut persepsi kerana persepsi dapat menunjukkan cara seseorang melihat dan mentafsir orang lain berdasarkan sesuatu pengalaman, kepercayaan dan pegangan nilai. Hal ini turut dinyatakan oleh Chung dan Magginson dalam Haminah (1998).

Chung dan Magginson dalam Haminah (1998) setuju dengan kajian persepsi kerana persepsi melibatkan faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor luaran adalah saiz pergerakan, status dan penampilan, manakala faktor dalaman adalah ciri-ciri seseorang individu seperti keperluan, pengalaman lepas, konsep sendiri dan personaliti. Oleh itu persepsi berhubungan secara langsung dengan pandangan seseorang terhadap orang lain iaitu yang dipengaruhi oleh nilai, kepercayaan dan pengalaman.

Selain itu, Jaafar dalam (Haminah, 1998) menerangkan bahawa persepsi merupakan satu penilaian seseorang terhadap seseorang yang lain, benda lain atau pelbagai kejadian. Justeru itu, dengan memahami bagaimana dan apakah faktor yang mempengaruhi persepsi, seseorang itu akan dapat memahami tingkah laku diri sendiri dan juga orang lain.

Sehubungan dengan pendapat sarjana-sarjana di atas, pengkaji percaya bahawa kajian ini relevan, kerana persepsi seseorang adalah penting untuk dikaji supaya tingkahlakunya atau tingkahlaku orang lain daripada dimensinya akan dapat diketahui dan difahami. Justeru kajian ini akan melihat persepsi guru-guru mengenai kepimpinan pengetua wanita dari aspek perancangan, penyeliaan, penilaian dan pengelolaan.

1.5 Objektif Kajian

Objektif Kajian ini boleh dilihat seperti berikut :

- 1.5.1 Untuk mengenal pasti tahap persepsi guru-guru berdasarkan jantina, kategori perkhidmatan dan pengalaman guru tentang kepimpinan pengetua.
- 1.5.2 Untuk mengenal pasti tahap persepsi guru-guru terhadap kepimpinan pengetua dari aspek perancangan.
- 1.5.3 Untuk mengenal tahap pasti persepsi guru-guru terhadap kepimpinan pengetua dari aspek penyeliaan.
- 1.5.4 Untuk mengenal tahap pasti persepsi guru-guru terhadap kepimpinan pengetua dari aspek penilaian.
- 1.5.5 Untuk mengenal pasti tahap persepsi guru-guru terhadap kepimpinan pengetua dari aspek pengelolaan.

Pengkaji berharap kajian ini akan dapat memberi maklumat tentang sejauh mana guru-guru melihat kepimpinan pengetua sekolah khususnya dalam hal yang berkaitan dengan pentadbiran. Selain itu, pengkaji juga berharap kajian ini dapat membantu

pengetua-pengetua sekolah menilai sejauhmanakah pengaruh mereka dalam mentadbir sesebuah organisasi.

1.6 Soalan Kajian

Soalan kajian dinyatakan seperti berikut:

- 1.6.1 Adakah persepsi guru terhadap kepimpinan pengetua berbeza berdasarkan jantina, kategori perkhidmatan dan pengalaman guru?
- 1.6.2 Apakah tahap persepsi guru terhadap kepimpinan pengetua dari aspek perancangan?
- 1.6.3 Apakah tahap persepsi guru terhadap kepimpinan pengetua dari aspek penyeliaan?
- 1.6.4 Apakah tahap persepsi guru terhadap kepimpinan pengetua dari aspek penilaian?
- 1.6.5 Apakah tahap persepsi guru terhadap kepimpinan pengetua dari aspek pengelolaan?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah pernyataan ramalan penyelidik tentang hasil penyelidikan (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Berdasarkan persoalan kajian, dinyatakan hipotesis utama dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru-guru tentang kepimpinan pengetua wanita berdasarkan jantina, kategori pekhidmatan dan pengalaman antara guru lelaki dan wanita
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru-guru tentang kepimpinan pengetua wanita dari aspek perancangan
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru-guru tentang kepimpinan pengetua wanita dari aspek penyeliaan

- Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru-guru tentang kepimpinan pengetua wanita dari aspek penilaian
- Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru-guru tentang kepimpinan pengetua wanita dari aspek pengelolaan

1.8 Definisi Operasional

Kepimpinan pengetua merupakan tonggak utama dalam menentukan kecemerlangan pentadbiran di sesebuah sekolah. Selain itu, kepimpinan pengetua juga menentukan sejauh mana pencapaian keberkesanan sesebuah sekolah. Pengetua boleh memainkan peranan yang cemerlang dalam empat komponen iaitu perancangan, penyeliaan, penilaian dan pengelolaan dalam menentukan keberkesanan sekolah.

1.8.1 Persepsi

Menurut Calderhead (1987), persepsi adalah salah satu cara seseorang bagi memahami dan mentafsir sesuatu keadaan yang berlaku di persekitarannya ataupun melalui sudut pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain. Secara amnya, persepsi merupakan pentafsiran seseorang terhadap pengalaman tentang sesuatu objek atau perkara. Ini bermakna ia merupakan satu proses mental yang berkaitan dengan ingatan terhadap sesuatu pengalaman.

Salmiah (1998) juga turut menjelaskan bahawa persepsi juga adalah satu proses mengurus dan menginterpretasi data deria yang diterima supaya memupuk kesedaran terhadap persekitaran dan diri seseorang. Menurutnya lagi, persepsi individu terhadap alam nyata ataupun terhadap orang lain dipengaruhi oleh latar belakang, nilai, jangkaan, minat, sikap dan pengalaman lepas.

Manakala menurut Johns (1992) pula menyatakan persepsi merupakan satu proses di mana sesuatu maklumat diterjemahkan dari deria manusia bagi memberi makna serta penerangan tentang persekitaran. Persepsi juga memberi tindak balas

seseorang individu terhadap sesuatu perkara atau kejadian pada persekitarannya secara tidak langsung.

1.8.2 Guru

Guru merupakan individu yang mengajar, mendidik dan mengasuh. Golongan guru ini merupakan golongan yang diwujudkan oleh masyarakat untuk memberikan pendidikan secara formal dan sistematik kepada generasi muda dalam kelompok masyarakat (Atan Long, 1980)

1.8.3 Kepimpinan

Kepimpinan ditakrifkan sebagai keupayaan iaitu dari aspek kebolehan, pencapaian dan sebagainya sebagai pemimpin. Kepimpinan pentadbiran dianggap sebagai pola-pola tingkah laku (secara relative) yang bersekutu dengan kedudukan seseorang itu sebagai seorang pemimpin. Ini bertujuan untuk mempengaruhi atau mengarah individu atau kumpulan untuk mencapai tugas dan objektif yang telah ditetapkan untuk organisasi. Dalam konteks ini, pengetua bertanggungjawab dalam pentadbiran sekolah yang merangkumi memimpin, mengurus institusi di bawah jagaannya. Dalam hal ini, kepimpinan yang dimaksudkan adalah merangkumi kepimpinan pengajaran dan kepimpinan pentadbiran.

Kepimpinan bukanlah bakat yang semulajadi, tetapi merupakan sesuatu yang perlu dipelajari menerusi pengetahuan dan pengalaman. Oleh hal yang demikian, pengetua haruslah bijaksana merealisasikan faktor ini. Kepimpinan merupakan satu tanggapan yang menyatakan ianya suatu usaha kearah pengaruh antara perseorangan yang diarahkan melalui beberapa proses khususnya komunikasi. Komunikasi ini adalah amat penting bagi mencapai sesuatu matlamat.

Menurut Bush dan Middlewood (2005), kepimpinan melibatkan satu proses mempengaruhi oleh seseorang (atau sekumpulan) terhadap seseorang (atau sekumpulan orang) yang lain untuk menstrukturkan aktiviti-aktiviti dan hubungan-